

TPM-Green Planet kerjasama projek RE

Berita Harian Online

30 Januari 2018

TPM-Green Planet kerjasama projek RE

[f Share](#)
[Tweet](#)
[Share](#)

KUALA LUMPUR: Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) dan Green Planet Energy Co Ltd (GPE) Korea Selatan memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi kerjasama dalam projek tenaga boleh diperbaharui (RE) ladang solar berskala besar dan projek Biomass.

Kerjasama itu menjadikan TPM sebagai wakil dan sumber pengedar eksklusif produk kuasa-solar GPE (dengan sokongan teknikal) di Malaysia bagi 10 tahun ke depan.

GPE ditubuhkan pada tahun 2014 dengan perniagaan utamanya adalah penjaan kuasa tenaga boleh diperbaharui.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Ir Mohd Azman Shahidin, berkata kerjasama itu mungkin dapat melihat penubuhan syarikat tujuan khas (SPV) sebagai entiti pembeli tenaga boleh diperbaharui (PPE), yang penggunaannya kurang daripada 100MW/tahun.

Bellau berkata, GPE pada awalnya ingin menyediakan pelaburan dan teknologi untuk operasi PPE, manakala TPM Engineering Sdn Bhd (TPME) akan menyumbang dalam pembuatan fabrikasi panel dan integrasi sistem yang bersesuaian.

"Kami berharap kerjasama ini akan menjadi usaha yang memberangsangkan seiring dengan trend peningkatan permintaan tenaga boleh diperbaharui selain membuka peluang perniagaan.

"Kami percaya sinergi antara TPM dan GPE akan memberikan hala tuju yang tepat kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk terus meningkatkan pembangunan dan pertumbuhan sektor tenaga boleh diperbaharui.

"Dengan kepakaran dan kemudahan yang canggih daripada TPME, kami yakin bahawa keupayaan dan kemampuan kami untuk mengeluarkan produk berasaskan solar GPE akan menjadi satu lagi kejayaan bernilai tambah kepada kepakaran kejuruteraan kami," katanya. - BERNAMA

249 dibaca

BH
ONLINE

UTAMA BERITA PRU14 SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA Hujung Minggu

BISNES > Korporat
Selasa, 30 Januari 2018 | 10:03pm



**RM1,500
ANAK-ANAK
PENERIN**

Info lan



DATUK Ir Mohd Azman Shahidin (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif GPE Dong Jin Shin memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi kerjasama dalam projek tenaga boleh diperbaharui (RE) ladang solar berskala besar dan projek Biomass. - Foto BERNAMA.